



RINGKASAN PENEMUAN HASIL KAJIAN

KAJIAN KEBERKESANAN KURSUS INFRA DALAM MENINGKATKAN KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN JKKK

Disediakan oleh:

**Bahagian Penyelidikan Dan Perancangan
Institut Kemajuan Desa (INFRA)
Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah**

**RINGKASAN PENEMUAN HASIL KAJIAN:
KAJIAN KEBERKESANAN KURSUS INFRA DALAM MENINGKATKAN
KECEKAPAN DAN KEBERKESANAN JKJK**

PENGENALAN

Kajian ini dijalankan secara dalaman oleh Cawangan Kajian dan Penyelidikan INFRA dengan penglibatan bersama Cawangan Perancangan, Cawangan Pembangunan Kemahiran, Cawangan Pengurusan Desa, Cawangan Perpustakaan & Arkib dan Unit Komunikasi Korporat. Kajian ini telah disiapkan pada tahun 2014 dan telah dibentang dan diterima oleh sidang Mesyuarat Jawatankuasa Induk Kajian KKLW (JKIK) Bil. 2/2014 pada 30 Jun 2014.

METOD KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian bukan eksperimen dengan kaedah tinjauan (*surve*) yang dibuat secara kuantitatif. Instrumen kajian ialah soal selidik yang telah dibina oleh Cawangan Kajian dan Penyelidikan untuk pengumpulan data utama (*primer*) daripada responden. Manakala data sekunder diperoleh melalui rujukan kesusasteraan daripada sumber jabatan. Kajian turut memberi perhatian kepada maklumat secara kualitatif melalui kaedah pemerhatian dan digunakan mengikut kesesuaian sebagai keterangan hasil kajian. Bagi memastikan prosedur kajian dijalankan secara empirikal dan sistematik, pasukan pengkaji telah mengambil langkah-langkah antaranya:

- i. Pembinaan instrumen kajian berdasarkan gagasan yang dikaji seperti kandungan modul, garis panduan, peranan dan tugas JKJK.
- ii. Kajian rintis dibuat untuk menentukan item-item soal selidik adalah sesuai dan boleh difahami oleh responden termasuk menjangkakan tempoh masa temu bual yang munasabah.
- iii. Penambahbaikan ke atas item-item soal selidik selepas kajian rintis dibuat.

- iv. Bengkel tatacara pengumpulan data kajian di lapangan diadakan kepada pegawai dan kakitangan INFRA yang menyertai pasukan kajian (*enumerator*) dengan bimbingan pensyarah universiti awam.
- v. Kajian sebenar dilaksanakan setelah latihan dan bimbingan asas penyelidikan telah diajar kepada ahli-ahli pasukan kajian melalui bengkel berkenaan.

Sebanyak **empat** set soal selidik telah dibentuk untuk dijawab oleh responden iaitu:

- | | |
|--|-----------------|
| i. Soal selidik A (Peserta kursus KPPK) | : 47 item utama |
| ii. Soal selidik B (Peserta kursus PTPK) | : 42 item utama |
| iii. Soal selidik C (Info Kampung) | : 12 item utama |
| iv. Soal selidik D (Komuniti) | : 11 item utama |

Item-item soal selidik ini merangkumi pelbagai bentuk pengukuran yang berasaskan skala nominal, ordinal, selang dan nisbah. Antara item yang dinyatakan bagi soal selidik A dan B adalah butiran peribadi, keupayaan, tahap kerjasama, kandungan modul kursus, kecekapan dan keberkesanan JKJKK serta pandangan secara umum. Manakala soal selidik C menyatakan maklumat kampung dan maklumat JKJKK. Bagi soal selidik D menyatakan butiran peribadi serta keberkesanan JKJKK.

Seramai 1,000 responden telah disoal selidik yang melibatkan sejumlah 222 buah kampung di 32 daerah dari lapan negeri iaitu Perlis, Kedah, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan. Responden yang dikaji merangkumi 342 JKJKK (114 daripadanya adalah pengerusi JKJKK) dan 658 ahli komuniti. Data kajian telah dianalisis dengan perisian statistik SPSS versi 21.


SKOP DAN HASIL KAJIAN

Kajian ini memberi tumpuan kepada sejauh manakah pengetahuan, kemahiran dan kefahaman yang diberikan oleh INFRA kepada JKJKK melalui kursus yang dijalankan. Skop kajian juga mengkaji kualiti peserta dari segi keupayaan, kecekapan, keberkesanan dan kerjasama JKJKK. Ia melibatkan proses pengajaran, pembelajaran dan latih amal menerusi interaksi antara pengajar INFRA dan peserta. Dalam kajian ini, tumpuan kepada kursus teras iaitu Kursus Pengurusan dan

Pentadbiran Kampung (KPPK) dan Kursus Pelan Tindakan Pembangunan Kampung (PTPK) yang dihadiri oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK).

Skop kajian turut mengkaji peranan JKKK untuk merancang dan melaksanakan program pembangunan desa mereka dengan kerjasama komuniti. Keberkesanan JKKK dapat dikaitkan dengan kejayaan kampung dan penerimaan ahli-ahli masyarakat terhadap JKKK. Skop dan halatuju kajian ini dinyatakan pada kerangka konseptual kajian seperti Rajah 1.

Rajah 1 : Kerangka Konseptual Kajian Keberkesanan Kursus INFRA Dalam Meningkatkan Kecekapan dan Keberkesanan JKKK



Hasil kajian mendapati kebanyakan Pengerusi JKKK yang dikaji berumur antara 51 hingga 60 tahun (43.9%), manakala di kalangan ahli-ahli JKKK kebanyakan berusia 56 hingga 65 tahun (36.0%), diikuti 46 hingga 55 tahun (29.0%). Dari segi pendidikan, kebanyakan pengerusi JKKK berkelulusan pada tahap pendidikan menengah (57.9%), terutama SPM dan setaraf (37.7%). Manakala pada peringkat STPM dan setaraf sebanyak 5.3%. Walau bagaimanapun, terdapat juga pengerusi JKKK berkelulusan pada tahap Diploma (5.3%). Di kalangan ahli-ahli JKKK pula, kebanyakannya berkelulusan SPM dan setaraf (48.7%). Terdapat juga mereka yang berpendidikan tinggi pada peringkat Diploma (5.7%) dan Ijazah (2.6%). Dari aspek pekerjaan pula, kajian mendapati sebahagian besar pengerusi JKKK (71.9%)

bekerja sendiri, begitu juga di kalangan ahli-ahli JKKK (60.5%). Dari aspek pengalaman kerja sebagai pengerusi JKKK, kajian mendapati kebanyakan mereka berpengalaman antara 1 hingga 5 tahun (60.5%), manakala 6 hingga 10 tahun (20.2%).


Hasil kajian turut membuktikan Garis Panduan Tatacara Kerja (GPTK) telah digunakan oleh JKKK sebagai dokumen rujukan dalam mengurus tadbir kampung serta merancang dan melaksanakan kerja JKKK. Namun tahap kefahaman pengerusi JKKK terhadap GPTK adalah berbeza iaitu 42.9% pada tahap tinggi dan 50.9% pada tahap sederhana. Dapatan kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara kefahaman kursus dengan penggunaan GPTK dengan nilai korelasi $r=.518$. Secara keseluruhannya, sebahagian besar pengerusi JKKK (96.5%) dapat memahami kandungan Kursus Pengurusan Pentadbiran Kampung (KPPK) walaupun tahap kefahaman mereka adalah berbeza antara sederhana hingga tinggi. Dari aspek pelaksanaan pengetahuan dan kemahiran oleh pengerusi JKKK, kajian mendapati ia pada tahap sederhana (55.2%) dan tinggi (39.5%). Ini menunjukkan sebahagian besar mereka (94.7%) berupaya untuk memanfaatkan pengetahuan dan kemahiran kursus yang dipelajari untuk dilaksanakan dalam tadbir urus kampung masing-masing.

Selain itu, kajian turut membuktikan kerjasama dapat diwujudkan antara pengerusi dengan ahli-ahli JKKK. Sebahagian besar (71.1%) pengerusi mengakui mereka mendapat kerjasama yang tinggi daripada ahli-ahli JKKK dalam mentadbir urus JKKK. Hasil kajian juga mendapati ahli-ahli JKKK mengakui mereka mendapat kerjasama yang tinggi (72.8%) sesama mereka, serta mendapat kerjasama tinggi juga (60.5%) daripada ahli-ahli masyarakat dalam menjalankan tugas JKKK. Dari segi pandangan masyarakat terhadap perkhidmatan JKKK, kebanyakan (81.9%) mereka memberi reaksi yang positif dengan 65.2% berpuas hati dan 16.7% menyatakan sangat berpuas hati seperti Carta F. Sebahagian besar komuniti juga menyatakan program / aktiviti JKKK dihebahkan oleh pihak JKKK kepada mereka (75.2%). Ini menunjukkan komuniti mendapat maklumat tentang program / aktiviti JKKK yang hendak dilaksanakan. Komuniti yang dikaji ini adalah daripada pelbagai peringkat usia (15 hingga 90 tahun) dan kelompok, iaitu belia (38.6%), dewasa (41.8%) dan warga emas (19.6%). Hasil kajian juga turut meninjau pandangan ahli-

ahli JKKK terhadap kaedah pelantikan pengerusi dan kesesuaian had umur sebagai pengerusi. Kajian ini menunjukkan sebahagian besar (84.6%) ahli-ahli JKKK bersetuju dengan kaedah pelantikan pengerusi JKKK yang diamalkan pada masa sekarang. Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai pandangan ahli-ahli JKKK terhadap had umur pengerusi JKKK yang bersesuaian.

Berdasarkan dapatan dan perbincangan, kajian menunjukkan INFRA berperanan meningkatkan pengetahuan, kemahiran serta kefahaman kerja kepimpinan dan ahli-ahli JKKK. Ini menjelaskan program latihan INFRA berupaya meningkatkan pengupayaan modal insan dalam kalangan JKKK. Hasilnya, institusi JKKK dapat menjalankan kerja dengan cekap dan berkesan. Penemuan kajian membuktikan sebahagian besar responden (85.1%) dalam kalangan pengerusi, menyatakan kandungan Kursus Pengurusan dan Pentadbiran Kampung (KPPK) adalah sangat sesuai (57.9%) dan sesuai (27.2%). Justeru itu, kursus anjuran INFRA, khususnya Kursus Pengurusan dan Pentadbiran Kampung (KPPK) adalah masih relevan dan perlu diteruskan dengan memastikan semua pengerusi JKKK menghadirinya. Pasukan pengkaji turut mendapati responden kajian juga memberi cadangan tajuk-tajuk tambahan dan pengisian kursus bagi memperkukuhkan kandungan KPPK. Pasukan pengkaji telah menganalisis cadangan ini dan mengkategorikan kepada lima bidang utama, iaitu : (i) kepimpinan tadbir urus JKKK dan kampung; (ii) kemahiran khas; (iii) ekonomi; (iv) sosial politik dan isu semasa; (v) kaedah dan pemeringkatan latihan.

Carta F: Tahap Kepuasan Komuniti Terhadap Perkhidmatan JKKK



KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kajian ini mendapati kefahaman dan penggunaan GPTK oleh institusi JKJK wajar diberi penekanan. Sehubungan itu, pasukan pengkaji menyarankan pihak berkuasa yang berkenaan perlu memberi perhatian kepada cadangan penggunaan GPTK sebagai dokumen rujukan utama dikuatkuasakan supaya keseragaman pelaksanaan fungsi dan peranan JKJK dapat dipertingkatkan. Begitu juga mencadangkan supaya GPTK diperbanyakkan salinannya oleh JKJK untuk diedarkan kepada ahli-ahli sebagai panduan kerja terutama ahli-ahli yang baru dilantik. Berdasarkan analisis dan perspektif pengkaji, faktor umur tidak seharusnya menjadi halangan kepada pengerusi JKJK untuk bekerja dengan cekap dan berkesan. Sebaliknya kepimpinan, kebijaksanaan dan prestasi kerja turut menjadi asas pertimbangan. Kajian ini juga mencadangkan sewajarnya institusi JKJK mempunyai pejabat pengurusan JKJK sendiri di desa. Ini bertujuan supaya tadbir urus desa dapat dijalankan dengan lebih teratur dan komuniti boleh berurusan dengan selesa. Kajian ini seterusnya mencadangkan institusi JKJK memanfaatkan segala kekuatan yang ada di desa untuk mendepani pelbagai cabaran semasa. Kemahiran dan kebolehan yang ada pada institusi dan komuniti ini perlu dikenal pasti untuk bersama-sama membantu JKJK memenuhi empat cabaran utama, iaitu: (i) aspirasi negara; (ii) pertumbuhan ekonomi desa; (iii) komitmen komuniti; (iv) kesejahteraan sosial desa.

PENUTUP

Kajian ini diharapkan dapat dimanfaatkan oleh pengurusan INFRA dan pihak lain yang berkenaan untuk tujuan perancangan meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan JKJK sama ada menerusi program latihan atau lain-lain program dan strategi pembangunan.